

**B. H. 30 JUN 1971**

**A. LOR SETAR, Selasa.**

—Bekas tokoh UMNO Negeri Kedah, Dr. Mahathir bin Mohamed, kini mengambil sikap "lihat dan nanti" untuk masuk semula menjadi anggota pertubuhan itu.

Beliau tidak akan membuat permohonan masuk semula, selagi beliau belum yakin bahawa Jawatankuasa Tertinggi UMNO akan meluluskan permohonan itu.

Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada Berita Harian berthabit dengan kenyataan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, selaku Presiden UMNO Malaysia minggu lalu bahawa beliau belum pernah mengundang Dr. Mahathir untuk menyertai semula UMNO.

Tun Razak juga menyatakan bahawa sejak dipechat dari UMNO dalam bulan September, 1969, Dr. Mahathir juga tidak pernah membuat sebarang permohonan untuk masuk semula UMNO.

### **Fikiran**

"Saya tidak berfikir atau berharap UMNO untuk menjemput saya masuk menjadi anggota UMNO semula.

"Sambil itu saya tidak akan merangkak atau masuk semula UMNO dengan bersyarat.

"Saya akan masuk semula UMNO kalau permohonan saya akan diluluskan oleh Jawatankuasa Tertinggi UMNO dan saya dapat mengeluarkan fikiran2 dengan tidak terganggu," kata Dr. Mahathir.

Beliau selanjutnya menerangkan bahawa sebarang syarat untuk dia masuk semula menjadi anggota UMNO "maka perkara itu akan merupakan satu sekatan bagi saya memainkan peranan yang penuh dalam pergerakan parti dan politik negara."